

Negara perlu pacu pelaburan industri berteknologi tinggi

Usaha tarik tenaga mahir di luar negara kembali ke tanah air: PM

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia harus memacu usaha untuk meraih lebih banyak pelaburan dalam industri berteknologi tinggi bagi memastikan individu berkemahiran dalam sektor berkaitan mempunyai pekerjaan setaraf, sekali gus menangani kesan aliran keluar tenaga mahir tempatan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia mempunyai ramai tenaga mahir hasil pengalaman ditimba ketika mereka bekerja di syarikat luar negara, namun golongan berkenaan mengalami masalah untuk kembali berkhidmat di tanah air sendiri.

"Ada tenaga mahir, tetapi kita perlu menyediakan pekerjaan setaraf dengan kelayakan mereka. Jika tidak, mereka akan lari. Contohnya, rakyat Malaysia yang berkhidmat di Korea atau Jepun mengalami masalah mencari kerja yang bersesuaian di tanah air sendiri selepas mempunyai pengalaman."

"Ia berlaku kerana kita tidak mempunyai pekerjaan yang se-

suai. Justeru, mereka (menggambil keputusan) pulang ke luar negara, malah segelintir daripadanya berkahwin dan mula mendirikan rumah tangga di sana.

"Oleh itu, kita perlu menggalakkan usaha untuk meraih lebih banyak pelaburan dalam industri berteknologi tinggi supaya individu dengan pengalaman dan kelayakan sedemikian boleh balik ke Malaysia serta terus tinggal di sini," katanya dalam temu bual eksklusif majalah dalam pesawat MAS, *Going Places*, yang disiarkan semalam.

Menyentuh prestasi ekonomi, Dr Mahathir berkata, industri yang berupaya memperuntuk gaji lebih lumayan kepada pekerja ketika ini ialah menerusi sektor teknologi maklumat (IT) dan teknologi baharu.

Sehubungan itu, katanya, pekerja tempatan wajar menggalakkan usaha untuk tampil lebih arif dalam aspek penggunaan teknologi baharu supaya penawaran tenaga mahir selari permintaan dalam pasaran berdasarkan industri berkaitan.

"Syarikat tempatan kita mempunyai kebolehan untuk menghasilkan cip mikro yang sebelum ini dikeluarkan syarikat asing. Kita mahu mendalami sektor kecerdasan buatan (AI), tetapi ia akan mengambil sedikit masa.

"Kerajaan menerima banyak cadangan pelaburan, namun kita harus menyediakan tenaga kerja yang mencukupi dan mempunyai kebolehan dalam industri. Ketika

ini, ada pelaburan besar di Malaysia, menjangkau nilai RM30 bilion setahun," katanya.

Mengulas sektor pelancongan negara, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mengurangkan prosedur birokrasi kerana ia dikenal pasti menjadi punca terhadap kesukaran Malaysia untuk menjadi destinasi percutian yang dinamik.

Selain itu, katanya, rakyat Malaysia wajar tampak lebih mesra pelancong bagi memastikan kedatangan mereka bagi menerokai 'warna' kehidupan masyarakat berbilang kaum di negara ini dan kepelbagaian disalami dan dihayati sepenuhnya.

"Kita dapati di sesetengah negara, mereka selalu senyum dan mengalu-alukan kedatangan pelancong, tetapi di Malaysia, kita tidak bersikap demikian. Kerajaan membina banyak tempat yang menjadi tumpuan pelancong."

"Langkawi antara contoh merekodkan kemasukan 3.2 juta pelancong setahun, berbanding 10,000 orang sebelum ini, hasil inisiatif kerajaan dalam menghasilkan 'produk' pelancongan."

"Kerajaan tidak mempunyai wang melakukan semua benda. Contohnya seperti membina taman tema. Kita berharap sektor swasta berupaya menerajui usaha sedemikian," katanya.

Ditanya soal peralihan kuasa, Dr Mahathir bertekad ingin menyelesaikan masalah hutang negara yang sebelum ini menjangkau RM1 trilion, pasca per-



"Kita perlu menggalakkan usaha untuk meraih lebih banyak pelaburan dalam industri berteknologi tinggi supaya individu dengan pengalaman dan kelayakan sedemikian boleh balik ke Malaysia serta terus tinggal di sini."

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

tukaran tampuk pemerintahan kerajaan, sebelum menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada penyandang seterusnya.

Beliau berkata, misi lain yang ingin dicapai ialah untuk 'membersihkan' pentadbiran awam dan mendidik rakyat menerusi pelbagai pelaksanaan program berkaitan bagi memastikan mereka berupaya mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan.

"Jika tidak memperoleh pen-

dapatan secukupnya, mereka perlu tingkatkan kemahiran dan produktiviti kerana itu ialah 'jalan' untuk mencapai status negara kaya. Sekiranya anda mengharapkan subsidi kerajaan sampai bila-bila, ia tidak akan mencipta kekayaan, sebaliknya kerugian terhadap kerajaan."

Berhubung kedudukan Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang dihimpit pelbagai isu pengurusan dan aliran kewangan sebelum ini, Dr Mahathir berkata, zaman setiap negara mempunyai syarikat penerbangan nasional sudah berakhir.

Katanya, MAB (sebelum ini Malaysia Airlines) boleh terus dikenali sebagai syarikat penerbangan nasional, namun pegangan dalam pengurusan tidak semestinya dimiliki kerajaan.

"Ia boleh dikenali sebagai syarikat penerbangan negara kerana menggunakan simbol (negara), tetapi operasinya dikendalikan sektor swasta," katanya.

Menerusi sesi soalan spontan, Dr Mahathir berharap sebarang pembikinan filem yang mungkin diusahakan demi menceritakan keperibadian atau jalan hidup beliau diterjemahkan secara tepat, tanpa sebarang tokok tambah.

"Ceritakan hal sebenar. Jangan 'tambah perisa' atau katakan, oh, beliau seorang yang sangat hebat," katanya.